

KUALA PILAH



“NI LAH PILAH”
“THIS IS PILAH”

GUNUNG ANGSI

Gunung yang terkenal di Kuala Pilah. Gunung ini juga merupakan salah satu mercu tanda ni Negeri Sembilan

ISTANA LAMA SERI MENANTI

Istana Lama Seri Menanti adalah salah satu tempat bersejarah yang ikonik bagi Negeri Sembilan. Istana ini juga melambangkan kerabat diraja terutamanya Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan

ITIK

Itik salai merupakan antara sajian utama dan terkenal di Kuala Pilah

IBU SOKO

Kuala Pilah terkenal sebagai satu daerah yang kaya adat. Ibu Soko melambangkan tradisi suku kaum yang masih lagi diamalkan

TANJAK

Melambangkan adat dan tradisi Kuala Pilah Yang kaya dengan budaya

PESONA
Pilah

PADI

Melambangkan makanan ruji kaum di Negeri Sembilan dan juga merupakan salah satu industri pertanian yang utama di Kuala Pilah

APAM JOHOL

Salah satu makanan tempatan yang terkenal di Kuala Pilah.

DAUN RAMBAI

Daun yang digunakan untuk membalut apam Johol



PESONA
Pilah

Jelebu

D'Kok Eco Camp

Jempol

Gunung Angsi

Makam
Tuah Tulis

Taman Eko Rimba
Jeram Tengkek

Perkampungan Budaya
Terachi

Singgah Seni
Kuala Pilah

Taman Eko Rimba
Gua Batu Maloi

Taman Eko Rimba
Liput Ulu Bendul

Omeh Pilah

Tugu Martin Lister

Bukit Senaling

Tampin

Seremban

Bandar Diraja Seri Menanti

Tokong Si Thian Kong

Rembau

Welcome to **KUALA PILAH**

Moh Teghojiah

Food Hunter

- 1) Kodai Ain (Budaya Corner)
- 2) Aya Cendol Sawit Juasseh
- 3) Kedai Sarapan Abang Terbang
- 4) Fat Cendol
- 5) Nasi Bajet Ayam Berempah
- 6) Pizza Kampung Boy
- 7) Tanjung ABC Kelapo
- 8) Mee Bandung Ulu Senaling (US)
- 9) Kambing Bakar Kuala Pilah / Husna Kitchen
- 10) Gerai Makan Ujang Power
- 11) Pizza Jemapoh Kayu Api
- 12) D'Sawah Warung Kak Ngah Bukit Senaling
- 13) Cendol Durian Terachi
- 14) ZAINI Salai House
- 15) Restoran D'Sawah (Jalan Lurus Ulu Bendul)
- 16) Kak Lang D'Rimba
- 17) Kopilah Kopi
- 18) Joseh Kopi
- 19) Senalingbucks
- 20) Topi Jalan
- 21) Bunga 59 Cafe
- 22) Apam Johol
- 23) Rojak Ibrahim
- 24) Cendol Bustand



Taman Eko Rimba Jeram Tengkek

Tengkek dikaitkan dengan peneroka pada suatu masa dahulu yang terpaksa mendaki bukit bertingkat-tingkat sehingga terpaksa menggunakan tongkat untuk mendaki. Kehadiran batu besar di jeram ini yang mempunyai lekuk ditengah batu tersebut yang dikatakan jejak kerbau dan jejak kanak-kanak. Batu kecil yang terdapat di jeram tersebut dahulunya dipanggil sebagai kapok digunakan sebagai kapok padi.

Terdapat juga kepercayaan orang dulu-dulu yang mengatakan terdapat perkampungan bunian di Jeram Tengkek untuk orang kampung meminjam pinggan mangkuk untuk kenduri kahwin.

Antara tarikan yang terdapat disini ialah tapak perkelahan, air terjun dan kawasan perkampungan orang asli.



 Taman Eko Rimba Jeram Tengkek,
72200 Batu Kikir, Negeri Sembilan

 8:00 Pagi - 6.30 Petang **FREE ENTRY**


 06-481 1036 / hutantimur@ns.gov.my

Bukit Senaling

Bukit Senaling terletak di Senaling, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Ketinggian Bukit Senaling adalah 394 meter. Tempoh masa pendakian biasanya akan mengambil masa satu hingga satu jam setengah untuk tiba ke puncak.

Menurut orang ramai yang pernah mendaki, awan karpet akan kelihatan mengelilingi puncak, bukit pada awal pagi dan ada masa boleh menyentuh pendaki di puncak sehingga ditenggelami awan, dan kabus. Awan karpet ini masih boleh dilihat sehingga jam 10 pagi, namun awan karpet yang betul-betul mengelilingi puncak Bukit Senaling adalah diawal pagi. Mengambil masa selama 12 minit dari Bandar Kuala Pilah, Bukit Senaling beroperasi pada awal pagi dan dibuka setiap hari.

 Start Point Bukit Senaling Hiking Trail,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

 7:30 Pagi - 5.30 Petang **FREE ENTRY**

 06-481 1036 / hutantimur@ns.gov.my




Taman Eko Rimba Gua Batu Maloi

Keunikan tempat ini adalah bentuk muka bumi nya yang berbukit serta berbatu-batuan yang terbentuk hasil daripada lipatan gunung kerana terletak di bahagian penghujung Banjaran Titiwangsa. Timbunan bongkahan-bongkahan batuan yang membentuk celahan batu ini dipanggil sebagai gua atau lebih tepat lagi disebut ngarai. Gua yang terbentuk di bawah bongkahan-bongkahan batu-batuan yang besar sepanjang 500 meter dan diberi nama Gua Batu Maloi. Terdapat sebatang sungai yang mengalir di celahan Gua Batu Maloi yang dikenali sebagai Sungai Johol (juga merupakan salah satu anak Sungai Muar).

 Taman Eko Rimba Gua Batu Maloi,
Negeri Sembilan.

 7:30 Pagi - 5.30 Petang

 06-481 1036 / hutantimur@ns.gov.my





Terletak di Pekan Kuala Pilah, Pekan Kuala Pilah ini merupakan salah satu pekan bersejarah yang telah lama terbina dan masih mengekalkan infrastruktur arkitek yang lampau. Kini, kawasan pekan tersebut telah diindahkannya lagi dengan lukisan-lukisan mural yang bersifat adat budaya dan warisan. Projek yang dinamakan Singgah Seni Kuala Pilah dengan konsep 'This is Pilah Lifestyle' itu menekankan elemen budaya dan cara hidup masyarakat setempat yang berbilang kaum. Setiap mural yang dilukis mempunyai penceritaan dan keunikan tempat itu tersendiri. Antara mural yang terbesar bagi projek ini adalah terletak di Stesen Bas Lama Kuala Pilah iaitu berukuran sepanjang 72 meter.



Perkampungan Budaya Terachi

Perkampungan Budaya Terachi telah lama dibina iaitu sejak pada tahun 1996 dan kini telah dinaiktaraf untuk dijadikan sebagai satu lokasi "one stop center" pelancongan yang merangkumi beberapa aspek pelancongan. Kodai Makan Ain bukan sahaja satu satunya tarikan di perkampungan budaya terachi ini, malah pengunjung boleh juga menikmati pemandangan sawah yang indah di sekeliling tapak ngoca dan juga membeli barangan tempatan di sini.

Pada setiap hujung tahun, Pesta Bola Ngoca juga akan diadakan yang merupakan satu acara sukan pelancongan tahunan akan diadakan. Lokasi Perkampungan Budaya Terachi ini juga adalah amat strategik iaitu terletak di tengah tengah laluan Jalan Seremban Kuala Pilah dan ramai pemandu menjadikannya sebagai satu tempat persinggahan untuk berehat ataupun untuk bersantai.



Bandar Diraja Seri Menanti

Seri Menanti merupakan bandar diraja bagi Negeri Sembilan. Ia terletak kira-kira 32 kilometer dari ibu negeri, Seremban dan 14 kilometer dari pekan Kuala Pilah. Bandar ini terletak di dalam daerah Kuala Pilah. Seri Menanti juga dikelilingi oleh tempat-tempat menarik serta bersejarah untuk dilawati seperti Muzium Lama Diraja Seri Menanti, Tasik Londah Naga, Ladang Alam Warisan, Panca Persada, Royal Seri Menanti Golf Kelab, Rumah Tukang Tuan Kahar, Seri Menanti Resort dan banyak lagi.

Taman Eko Rimba Ulu Bendul / Gunung Angsi

MITOS

Sejarah Ulu Bendul sering dikaitkan dengan beberapa mitos. Pada zaman dahulu, sungai Terachi mempunyai air Sungai yang dalam sehingga membolehkan perahu berbilang kali melalui Sunaai ini. Namun begitu terdapat seketul batu besar di sungai ini menyebabkan sebuah Perahu melanggar batu tersebut sehingga pecah dan meninggalkan bendul. Memandangkan kejadian perahu pecah betaku di hulu kampung maka kawasan ini dipanggil sebagai Ulu bendul.

FAKTA

Terletak di dalam Hutan Simpan Angsi dan mengambil jarak kira-kira 20 km dari Pekan Kuala Pilah. Mempunyai tarikan pelancongan seperti Taman Ular, Tapak Perkhemahan, jungle trekking dan banyak lagi. Kemasukan adalah percuma dan waktu beroperasi dari 7.00 pagi hingga 6.00 petang



Chalet



Campsite



Surau



Jungle
Trekking



Waterpark

Tokong Martin Lister

Dibina bagi menghormati Martin Lister iaitu Residen British pertama di Negeri Sembilan. Gerbang Peringatan ini telahpun dibina di jalan utama Kuala Pilah sejak 1901.

Gerbang peringatan itu terdiri daripada gaya seni bina Cina dan Barat, termasuk elemen Ling Nan tiga teluk, empat tiang labu dan bola api melambangkan nasib, kemakmuran, dan umur panjang dan Ikan Carp Kepala Naga melambangkan prospek cerah. Terdapat juga gerbang hemisfera Rom Purba dan entablatur Yunani Purba. Bahagian hadapannya mengandungi inskripsi tiga bahasa, dengan tajuk Inggeris, garis masa politik dalam Jawi di sebelah kiri, dan pencapaian dalam bahasa Cina di sebelah kanan. Pujian tertulis di bahagian belakang Aliran hulu sungai Muar merentasi Kuala Pilah, tempat Minangkabau mendarat pada abad ke-15 sebagai perintis. Pada akhir abad ke-19, kerajaan kolonial British menggalakkan penanaman tanah dan perlombongan bijih timah, sekali gus menarik ramai nenek moyang Cina, mengubah Kuala Pilah daripada sebuah perkampungan pedalaman yang mundur kepada sebuah bandar utama Negeri Sembilan yang baru diasaskan.



Tokong Si Thian Kong

Keunikan Tokong Si Thian Kong yang tersergam indah di Kuala Pilah menjadi antara tarikan pelancongan di negeri ini dengan limpahan lampu neon dan LED berwarna-warni menaikkan semangat masyarakat Cina untuk menyambut Tahun Baharu Cina kali ini. Cahaya berwarna-warni itu turut menyerlahkan hiasan patung harimau serta objek lain dan lebih 2,000 tanglung digantung di perkarangan tokong tersebut. Tahun Baru Cina 2022 adalah Tahun Harimau, (haiwan ketiga dalam kitaran 12 haiwan dalam zodiak Cina).

"Kalau dilihat ukiran bangunan ini, semua idea adalah hasil perbincangan ahli dalam pertubuhan ini, kami tidak melantik mana-mana pereka dalaman, sebab itu kerja dekorasi pada tokong ini dibuat secara berperingkat. Kami juga sedang membina bangunan ruang pejabat untuk tokong ini," katanya kepada Bemama.

